05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



## 1.2 Latar Belakang Kajian

Pendidikan prasekolah di Malaysia merupakan asas pemerolehan pengetahuan dan kemahiran awal kepada kanak-kanak terutamanya mereka yang datang dari golongan berpendapatan rendah. Pengajaran asas ini sangat penting bagi membantu murid sewaktu melangkah ke Tahun Satu di sekolah rendah kelak.

Menurut Naimah Yusoff, Nor Hashimah dan Hashim Othman (2011), peringkat kemahiran yang paling asas ialah peringkat prabacaan. Setelah menguasai kemahiran prabacaan dengan baik, kanak-kanak perlu menguasai kemahiran peringkat kedua iaitu bacaan awal. Penekanan terhadap komponen atau tunjang bahasa dan kemahiran bacaan awal telah digariskan dalam Garis Panduan Pendidikan Prasekolah (KPM, 1999); Kurikulum Prasekolah Kebangsaan (Edisi Percubaan) (KPM, 2001); Kurikulum Prasekolah Kebangsaan (KPM, 2003); Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KPM, 2010) dan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan Semakan (KPM, 2017).

Selaras dengan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan Semakan (KPM, 2017) guru prasekolah perlulah kreatif dalam pelaksanaan PdP supaya mampu menarik minat murid (Zurina, Baharom, Ahmad Esa & Shahrizal, 2009); di samping menggunakan kaedah pengajaran yang bersesuaian (Azizi Yahya, Shahrin, Jamaludin, Boon & Abdul Rahim, 2007; Thut & Gerberich dalam Jionna Carjuzza et al., 2013; Arbiah, Mohd Khairuddin, Musirin, Mohammad Haafiz & Hairi, 2018); kaedah yang pelbagai (Chew & Dewih Haris, 2019) dan juga menyeronokkan (Yahya Othman, 2012).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Pada peringkat pendidikan awal kanak-kanak, guru seharusnya memahami dunia kanak-kanak di samping menghargai dan menanam minat mereka terhadap pembelajaran (Samuelsson & Carlsson 2008). Pengalaman dan persediaan guru untuk mengajar adalah penting bagi meningkatkan kualiti pengajaran guru. Ini bertepatan dengan kajian Beers (2016) yang menyatakan bahawa gaya pengajaran guru perlu diutamakan untuk menghasilkan pembelajaran yang berkualiti.

Guru seharusnya bijak memilih kaedah pengajaran bacaan awal mengikut kesesuaian dan keperluan murid prasekolah. Kesesuaian kaedah dan pendekatan yang digunakan oleh guru dapat menarik minat murid untuk belajar membaca tanpa paksaan (Naimah Yusoff, 2005). Ini kerana, secara umumnya setiap individu murid mempunyai gaya pembelajaran yang tersendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Gaya pengajaran yang berkesan merupakan faktor pendorong kepada keberhasilan kemahiran bacaan awal yang baik. Menurut Naimah Yusoff et al. (2011) keberkesanan sesuatu pendekatan ataupun kaedah adalah saling berkaitan antara kecekapan guru dan keperluan kanak-kanak. Apabila cara bersesuaian digunakan dengan kaedah yang betul, penguasaan murid-murid dalam kemahiran membaca dapat ditingkatkan (Nanysuryati & Aliza, 2016).

Sehingga kini, pelbagai kaedah pengajaran bacaan awal telah diperkenalkan sama ada daripada pihak Kementerian Pendidikan, pusat pendidikan prasekolah mahupun orang perseorangan. Menurut Abd. Aziz Abd. Talib (2000), terdapat empat kaedah pengajaran kemahiran membaca dalam Bahasa Melayu iaitu;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


i. Kaedah Pandang Sebut / Kaedah Seluruh Perkataan (Cambell, 1995; Durkin, 1987; Doman dan Doman, 1994)
ii. Kaedah Abjad (Isahak, 1990)
iii. Kaedah Fonik (Smith, 1988)
iv. Kaedah Gabung Bunyi Kata (Isahak Haron, 1979)

Oleh itu, guru prasekolah yang mahir dan faham akan kehendak kurikulum akan mempelbagaikan pendekatan dan kaedah pengajaran bagi membantu murid menguasai kemahiran bacaan awal dengan baik. Menurut Isahak Haron (1990), pengajaran bacaan awal yang lebih berkesan adalah apabila kesemua ciri-ciri terbaik yang ada dalam kaedah-kaedah pengajaran membaca tersebut digabungkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, menurut Mahzan Arshad (2003), Yahya Othman (2008) dan Tamam Timbang et al. (2010) dalam Sharipah Amalhayaty (2015); kajian berkaitan proses membaca penting untuk membantu kanak-kanak meneroka cabang ilmu yang luas. Sehubungan dengan itu, pelaksanaan kajian ini menggunakan Kaedah Iqranik (iVAK) merupakan satu variasi kepada kaedah bacaan awal bahasa Melayu sedia ada. Kepelbagaian kaedah bacaan awal membolehkan guru memilih kaedah pengajaran yang bersesuaian dengan murid di samping mengurangkan kadar ketidakboleh bacaan kanak-kanak apabila mereka melangkah ke tahun satu kelak.

Akronim iVAK merujuk kepada ‘i’ untuk iqranik dan ‘VAK’ untuk visual, auditori, kinestatik. Penekanan kepada tiga gaya pembelajaran ini iaitu visual, auditori dan kinestatik adalah berpandukan Model Gaya Pembelajaran VAK Fleming, 1920. Kaedah Iqranik iVAK juga adalah modifikasi daripada Kaedah Gabung Bunyi Kata

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


(KGBK) yang diasaskan oleh Profesor Dato' Dr. Isahak Haron pada Disember 1979. Pembinaan Kaedah Iqranik iVAK adalah berpandukan fasa-fasa di dalam Model ADDIE (*Analyze*, *Design, Development, Implementation and Evaluation*).

## 1.3 Penyataan Masalah

Membaca merupakan kemahiran yang perlu dikuasai bagi memastikan seseorang individu terus menimba ilmu pengetahuan. Menurut Sharipah Amalhayaty (2015), kemahiran bacaan awal perlu dikuasai oleh kanak-kanak sebelum mereka melangkah ke alam pendidikan formal tahun satu. Berdasarkan kajian Hanifah Sabin, Vincent Pang dan Muhammad Idris (2019), sehingga kini masalah penguasaan kemahiran membaca dalam kalangan murid prasekolah dan murid tahun satu masih serius di negara ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Buktinya dapat dilihat dalam Jadual 1.1 di mana rentetan data laporan kelemahan penguasaan kemahiran membaca murid prasekolah dan murid tahun satu bermula dari tahun 2006 sehingga 2018 dicatatkan. Berdasarkan jadual tersebut, seramai 138,271 murid tahun satu di Semenanjung Malaysia tidak menguasai kemahiran asas membaca dan menulis pada tahun 2006 (Mohd Asnorhisham, 2017). Jumlah keciciran murid dalam penguasaan kemahiran asas tersebut diperoleh selepas 392,029 murid tahun satu menduduki pentaksiran asas menulis, membaca dan lisan yang disediakan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK). Seterusnya, Laporan Jawatankuasa Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) Jabatan Perdana Menteri (JPM, 2010) bagi Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) pula

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


merekodkan seramai 54,000 murid tahun satu atau anggaran 13% daripada jumlah enrolmen murid tahun satu yang masih gagal dalam penguasaan kemahiran asas literasi pada tahun 2008 (Nur Hatiqah & Wan Muna Ruzanna, 2020). Pada 2018, di daerah Kuantan sahaja seramai 3,677 daripada 8,256 murid tahun satu masih tidak mengenal huruf dan tidak tahu membaca (Sinar Harian, 30 Mac 2018). Berdasarkan kajian Hanifah et al. (2019), hasil pentaksiran membaca semester satu menunjukkan seramai 10,409 (48.1%) daripada 21,549 jumlah murid prasekolah di seluruh Sabah masih belum menguasai kemahiran membaca pada tahun 2018.

Jadual 1.1

*Laporan Kelemahan Penguasaan Bacaan Murid Prasekolah dan Murid Tahun Satu (Tahun 2006 - 2018)*

| **TAHUN** | **LAPORAN** | **SUMBER** |
|---|---|---|
| 2006 | 138,271 murid tahun satu di Malaysia tidak menguasai asas membaca dan menulis | Mohd Asnorhisham, 2017 |
| 2008 | 54,000 (anggaran 13.0%) murid tahun satu tidak menguasai kemahiran literasi | Nur Hatiqah & Wan Muna Ruzanna, 2020 |
| 2018 | 3,677 daripada 8,256 (44%) murid tahun satu di daerah Kuantan tidak mengenal huruf dan tidak tahu membaca | Sinar Harian, 30 Mac 2018 |
| 2018 | 10,409 (48.1%) murid prasekolah seluruh Sabah belum menguasai kemahiran membaca | Hanifah, Vincent Pang & Muhammad Idris, 2019 |

Bayangkan, data yang dipamerkan dalam Jadual 1.1 adalah data kelemahan membaca bagi murid prasekolah dan murid tahun satu sahaja. Berdasarkan enrolmen murid prasekolah yang diambil daripada laman web rasmi KPM (2021), pada tahun 2020 sebanyak 208,131 murid prasekolah yang berdaftar dengan Kementerian Pendidikan di seluruh negara manakala pada tahun 2021 adalah sebanyak 207,227 murid yang berdaftar. Bagi murid tadika swasta pula seramai 25,426 murid yang berdaftar pada Tahun 2021. Jika begini ramai jumlah murid prasekolah di Malaysia,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


bagaimana pula peratusan ketidakboleh bacaan bagi murid tahun dua, murid tahun tiga dan seterusnya?

Kajian Noor Azlina dan Jamaludin (2018) mendapati bahawa masalah ketidakboleh bacaan murid-murid tahap satu aliran perdana menguasai kemahiran membaca seringkali menjadi kekangan kepada guru-guru di sekolah. Kegagalan murid prasekolah menguasai kemahiran bacaan awal menyebabkan berlakunya 'Defisit Akademik' di mana proses pembelajaran menjadi lebih mencabar di peringkat arus perdana, seterusnya menjejaskan pencapaian akademik mereka (Hanifah et al., 2019). Kelemahan dalam kemahiran membaca juga akan meruntuhkan minat membaca dalam diri murid (Atan Long, 1986 dan Mahzan Arshad, 2013) dan akhirnya mereka tidak bersemangat untuk meneruskan pembelajaran (Abdul Rashid, 2011).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji berpengalaman mengajar di pedalaman tiga Sabah selama empat tahun. Pada tahun pertama berkhidmat di sana, hampir separuh murid di kelas prasekolah tidak menguasai kemahiran membaca. Pengkaji mengambil masa hampir satu tahun untuk memahami permasalahan ini termasuklah memanggil ibu bapa murid untuk berbincang di sekolah. Setelah kajian dan pemerhatian dilakukan, pengkaji membangunkan satu kaedah membaca berdasarkan gaya pembelajaran murid prasekolah pedalaman Sabah. Syukur pada Allah, akhirnya kaedah yang dibangunkan memberi kesan positif terhadap kemahiran membaca bahasa Melayu mereka. Justeru, berdasarkan pengalaman pengkaji ini jelas membuktikan kaedah pengajaran guru di dalam kelas merupakan faktor terpenting bagi penguasaan kemahiran membaca dalam kalangan murid prasekolah di kawasan pedalaman. Kebanyakan daripada mereka tidak mempunyai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


pengetahuan asas membaca dan menulis dengan baik. Oleh itu, penguasaan kemahiran membaca banyak bergantung kepada pengajaran guru di dalam kelas.

Pengalaman yang dilalui pengkaji bertepatan dengan kajian Mazeni Ismail dan Hasmadi Hassan (2017) di mana keberkesanan pengajaran guru prasekolah menjadi kayu ukur kepada kemenjadian murid itu sendiri. Amalan pengajaran guru yang hanya mengikut urutan dan tanpa nilai keseronokan adalah membosankan kanak-kanak (Isahak Haron et al., 2004). Kenyataan ini turut disokong oleh Anuar Ahmad dan Nelson Jinggan (2015) yang berpendapat bahawa kegagalan guru dalam mengenalpasti gaya pembelajaran yang bersesuaian akan memberi kesan terhadap kurangnya minat belajar murid-murid. Implikasinya, semakin ramai murid yang gagal membaca walaupun telah memasuki sekolah menengah (Adenan Yaakob, 2017).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kelemahan dalam kemahiran membaca juga telah memberi impak yang besar kepada reputasi negara. Antaranya ialah:

i. Laporan Eksekutif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) melaporkan penguasaan kemahiran membaca rakyat Malaysia berada pada kedudukan 54 daripada 74 negara yang menyertai (KPM, 2015).

ii. Kajian *The World's Most Literate Nation* (Negara Paling Celik Huruf Sejagat) pada tahun 2016 melaporkan Malaysia berada pada kedudukan ke-53, berbanding Singapura yang berada di kedudukan ke-36. Manakala negara Nordic (Finland, Norway, Iceland, Denmark dan Sweden) diiktiraf sebagai negara paling celik huruf dunia (Maszlee Malik, 8 Januari 2019).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



iii. Perangkaan Bank Dunia menunjukkan kadar celik huruf penduduk Malaysia pada tahun 2018 yang melibatkan golongan berumur 15 tahun ke atas adalah sebanyak 94.85% (Chahaya Abdul Manan, 2020).

Menyedari betapa kritikalnya permasalahan ini, maka pelbagai tindakan telah dirangka oleh KPM bagi membasmi masalah membaca dalam kalangan murid sekolah. Antara program-program yang telah dilakukan ialah Program Kelas Intervensi Bacaan Awal dan Menulis (KIA2M), Program Penguasaan 3M (ProTIM), Program Gemilang 2009 (PROBIM), Program Literasi dan Numerasi (LINUS) dan Program Pemulihan Khas (BPK, 2009). Walaupun pelbagai usaha telah dijalankan oleh pihak KPM, swasta mahupun individu persendirian melalui program-program intervensi ini, namun hakikatnya peratusan penguasaan kemahiran membaca murid masih berada pada tahap rendah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bermula 18 Mac 2020, sesi persekolahan diarah tutup ekoran peningkatan wabak Covid-19 yang begitu ketara. Penutupan sekolah telah memberi impak yang besar terutamanya bagi bidang pendidikan awal kanak-kanak kerana bulan Mac masih terlalu awal untuk kanak-kanak prasekolah menguasai pelbagai ilmu akademik khususnya kemahiran membaca. Penutupan sekolah yang berlarutan mengakibatkan peratusan jumlah murid yang tidak boleh membaca kian meningkat. Kini, para guru bukan sahaja berdepan dengan masalah murid yang tidak menguasai kemahiran membaca, malahan guru juga perlu lebih bersedia untuk menghadapi cabaran pengajaran dalam norma baru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Institut Statistik UNESCO (UIS, 2021) melaporkan jumlah kanak-kanak yang tidak boleh membaca di seluruh dunia dijangka meningkat daripada 100 juta kepada 584 juta lantaran penutupan sekolah disebabkan wabak Covid-19. 29 juta daripada jumlah pertambahan tersebut adalah dalam kalangan kanak-kanak dari Asia Timur dan Asia Tenggara. Menurut Maszlee pada 16 Disember 2020, berhubung 'Generasi Tersisih' akibat wabak Covid-19, dianggarkan hampir sejuta murid prasekolah, murid tahun satu dan murid tahun dua terjejas akibat tiadanya sesi pembelajaran yang normal. (Rashidah Zulkifli, 8 Januari 2021).

Laporan akhbar oleh Juaini Munir (24 Jun 2021) membuktikan hampir 70% murid prasekolah bagi kira-kira 30 guru prasekolah dan tadika swasta di kawasan Lembah Klang masih belum menguasai kemahiran 3M. Bukan itu sahaja, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan dan Budaya Johor; Mazlan Bujang menyatakan bahawa dianggarkan 20% daripada sejumlah 131,281 murid tahap satu di Johor dikesan gagal menguasai kemahiran 3M (Mohamed Farid, 7 Disember 2021).

Menurut Norshuhada Abdullah (2012), sebenarnya memang tidak terlewat untuk kanak-kanak mula belajar membaca ketika mereka berada di tahun satu. Akan tetapi, faktor saiz kelas yang besar, jumlah murid yang ramai dan pelbagai kekangan lain yang dihadapi oleh para guru dan pihak sekolah, maka bimbingan di dalam kelas tidak dapat dilakukan dengan sempurna. Ini bererti, kanak-kanak yang lemah membaca mungkin kekal lemah apabila beranjak ke tahun persekolahan berikutnya. Implikasinya, masalah membaca dalam kalangan murid akan menjejaskan usaha pihak sekolah bagi melahirkan murid yang berpengetahuan (Yahya Othman, 2004).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Pengerusi Persatuan Tadika Malaysia (PTM) Eveleen Ling berkata, "Guru-guru di sekolah rendah perlu bekerja lebih keras dan memberikan belas kasihan sewaktu murid-murid memasuki darjah satu apabila sesi persekolah di buka kelak" (Nur Hasliza, 18 November 2020).

Oleh itu, menerusi kajian ini konteks kelemahan membaca dalam kalangan murid prasekolah cuba diatasi menerusi inovasi Kaedah Iqranik iVAK. Adenan Ayob et al. (2012) berpandangan bahawa inovasi ditafsirkan sebagai perkenalan sesuatu yang baharu dalam pendidikan. Clark dan Mayer (2012) pula memberikan maksud inovasi sebagai transformasi pengetahuan kepada produk dan proses baharu. Menerusi konteks kajian ini, inovasi Kaedah Iqranik iVAK boleh dirumuskan sebagai pemodifikasian Kaedah Gabung Bunyi Kata (KGBK) bagi menghasilkan Kaedah Iqranik iVAK yang menfokuskan kepada gaya pembelajaran murid. Setiap murid mempunyai gaya pembelajaran masing-masing. Jadi, apabila kaedah pengajaran disepadukan dengan gaya pembelajaran yang betul, murid akan lebih berminat untuk belajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Keunikan Kaedah Iqranik iVAK berbanding kaedah bacaan awal bahasa Melayu sedia ada adalah dari segi modifikasi bunyi-bunyi huruf kecil yang disesuaikan mengikut logik pergerakan bibir dan penggabungan bunyi huruf tersebut membentuk suku kata tertutup dengan lebih mudah. Dalam Kaedah Iqranik iVAK murid tidak perlu menghafal kesemua bunyi huruf bagi membolehkannya menguasai kemahiran membaca dengan baik. Diharap semoga Kaedah Iqranik iVAK dapat meningkatkan kemahiran bacaan awal Bahasa Melayu murid prasekolah dengan lebih baik sebelum mereka melangkah ke tahun satu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



## 1.4 Objektif Kajian

i. Mengenalpasti masalah kemahiran mengajar bacaan awal bahasa Melayu guru prasekolah.

ii. Menganalisis keperluan untuk membangunkan kaedah pengajaran bacaan awal bahasa Melayu murid prasekolah.

iii. Mereka bentuk dan membangunkan Kaedah Iqranik iVAK bagi kemahiran mengajar bacaan awal bahasa Melayu murid prasekolah.

iv. Menilai keberkesanan Kaedah Iqranik iVAK bagi kemahiran bacaan awal bahasa Melayu murid prasekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 1.5 Soalan Kajian

i. Adakah terdapat masalah kemahiran mengajar bacaan awal bahasa Melayu guru prasekolah?

ii. Adakah terdapat keperluan untuk membangunkan kaedah pengajaran bacaan awal bahasa Melayu murid prasekolah?

iii. Apakah proses reka bentuk dan pembangunan Kaedah Iqranik iVAK bagi kemahiran mengajar bacaan awal bahasa Melayu murid prasekolah?

iv. Apakah keberkesanan Kaedah Iqranik iVAK bagi kemahiran bacaan awal bahasa Melayu murid prasekolah?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 1.6 Kerangka Teoretikal dan Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka teoretikal dan kerangka konseptual bagi kajian ini terdiri daripada tiga bahagian utama iaitu teori yang menjadi rujukan, ii) metodologi yang digunakan, serta iii) hasil kajian.

Pembinaan Kaedah Iqranik iVAK merujuk kepada Model Malakat Pendidikan Ibnu Khaldun, 1945. Ibnu Khaldun menjelaskan bahawa alat pengetahuan (AP) yang paling asas ialah lima pancaindera iaitu penglihatan, pendengaran, sentuhan, bau dan rasa. Kaedah Iqranik iVAK menggunakan tiga daripada lima pancaindera yang dinyatakan dalam Model Malakat Pendidikan Ibnu Khaldun iaitu penglihatan, pendengaran dan sentuhan. Menurut Ibnu Khaldun, interaksi antara guru dengan murid mestilah dari pelbagai hala agar murid dapat meneliti, mengkaji dan bersungguh-sungguh mendalami sesuatu ilmu.

Selain itu, Kaedah Iqranik iVAK juga menekankan elemen rangsangan dan gerak balas antara guru dengan murid. Rangsangan dan gerak balas ini merujuk kepada Teori Behaviorisme J.B. Watson, 1920. Menurut Watson, tingkah laku adalah refleks terlazim di mana sesuatu gerak balas dipelajari melalui proses pelaziman klasik. Beliau berpendapat bahawa gerakan refleks yang mudah berlaku secara semula jadi dan tidak perlu dipelajari. Watson menegaskan bahawa pemerolehan bahasa adalah hasil peneguhan dan peniruan. Untuk mengajar kemahiran bacaan awal kepada murid, guru akan memberikan rangsangan (pengajaran) terlebih dahulu. Pengajaran berulang kali yang diberikan oleh guru akan menghasilkan gerak balas positif (pembelajaran) iaitu pengekalan ingatan di dalam minda.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Pembinaan Kaedah Iqranik iVAK juga berdasarkan Model Gaya Pembelajaran VAK iaitu visual, auditori dan kinestatik (VAK). Ketiga-tiga gaya pembelajaran ini diasaskan oleh Fleming pada tahun 1920 (Fernald, Keller, Orton, Gillingham, Stillman & Montessori, 1920; Rose Colin & Nicholl, 2011 dalam Norul Haida, Robe'ah & Hidayah, 2016). Ramai pengkaji yang bersetuju bahawa penggabungan ketiga-tiga unsur VAK akan menghasilkan pembelajaran yang lebih efektif berbanding penggunaan satu kaedah sahaja (Hassan et. al., 2010; Mazlina Karim, 2011; Nor Musliza Mustafa & Mokmin Basri, 2014).

Pengajaran guru dalam Kaedah Iqranik iVAK juga merujuk kepada Model Bawah Ke Atas Gough, 1972 di mana pembelajaran dimulakan dari peringkat yang mudah kepada peringkat yang lebih sukar. Menurut Abdul Rashid (2016), amalan pengajaran guru perlulah berdasarkan kebolehan dan kemampuan murid. Pembelajaran berperingkat dari mudah ke susah dapat meningkatkan keyakinan diri murid untuk belajar. Kesannya, murid dapat memberikan tumpuan semasa sesi pembelajaran, menjawab pertanyaan guru dengan baik disamping mudah mengingati ilmu yang diberikan.

Justeru, dalam melaksanakan kemahiran bacaan awal yang baik guru bertindak sebagai perangsang untuk menyampaikan ilmu pengetahuan. Apabila pengajaran guru dilaksanakan dengan rangsangan yang betul dan memfokuskan kepada gaya pembelajaran murid, maka gerak balas positif murid akan terbentuk secara semula jadi. Berdasarkan Model Bawah ke Atas Gough 1972, kanak-kanak memulakan proses membaca apabila mata mereka dapat mengenapasti maklumat visual yang dipaparkan dalam teks yang dibaca melalui siri perlakuan yang berurutan. Oleh itu, dalam Kaedah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Iqranik iVAK, proses membaca bermula dengan membunyikan 12 huruf kecil beserta gaya pergerakan yang dipatenkan, kemudian membunyikan suku kata terbuka dan tertutup, menggabungkan suku kata membentuk perkataan, seterusnya membaca frasa dan ayat mudah.

Pelaksanaan Kaedah Iqranik iVAK ini disusun mengikut fasa-fasa di dalam Model ADDIE. Menurut Branch (2009), ADDIE merupakan akronim bagi *Analyze* (Analisis), *Design* (Reka bentuk), *Development* (Pembinaan), *Implementation* (Pelaksanaan) dan *Evaluation* (Penilaian). Rajah 1.1 berikut menunjukkan kerangka teoretikal dan kerangka konseptual bagi Kaedah Iqranik iVAK.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi




*Rajah 1.1.* Kerangka Teoretikal dan Kerangka Konseptual Kaedah Iqranik iVAK



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



## 1.7 Definisi Operasional

Definisi operasional dipecahkan mengikut empat subtajuk iaitu kaedah pengajaran bacaan awal, gaya pembelajaran, kemahiran bacaan awal dan murid prasekolah.

### 1.7.1 Kaedah pengajaran Iqranik iVAK

Kaedah pengajaran merupakan satu rancangan pengajaran yang dilaksanakan sesuai dengan situasi pembelajaran bagi mencapai sesuatu objektif pengajaran (Ishak Ramly, 2006).

Di dalam konteks kajian ini, kaedah pengajaran bacaan awal yang dibangunkan ialah Kaedah Iqranik iVAK. Akronim iVAK membawa maksud ‘i’ (Iqranik) dan VAK (visual, auditori, kinestatik). Perkataan Iqranik dilihamkan daripada gabungan perkataan iqra’ dan fonik. Secara etimologinya perkataan iqra’ diambil daripada kata akar qara'a yang bermaksud menghimpun. Manakala fonik bermaksud bunyi. Oleh itu, perkataan Iqranik membawa maksud ‘baca menggunakan bunyi’.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 1.7.2 Gaya Pembelajaran VAK

Gaya merujuk kepada sikap, kesukaan dan cara berkelakuan yang menjadi ciri seseorang. Manakala pembelajaran pula merujuk kepada perihal atau proses belajar seseorang individu. Menurut Meor Ibrahim Kamaruddin dan Assaadah Mohamad

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



(2011), gaya pembelajaran secara amnya didefinisikan sebagai cara individu mempelajari sesuatu mengikut kecenderungan masing-masing.

Gaya Pembelajaran dalam Kaedah Iqranik iVAK merujuk kepada Model Gaya Pembelajaran VAK oleh Fernald, Keller Orton, Gillingham, Stillman dan Montessori (1920). Menurut Rose Colin dan Nicholl (2011), gaya pembelajaran VAK merangkumi tiga gaya pembelajaran utama iaitu gaya pembelajaran visual, gaya pembelajaran auditori dan gaya pembelajaran kinestetik.

### 1.7.3 Kemahiran Bacaan Awal

Kemahiran ialah keupayaan untuk mempersembahkan aktiviti mental dan fizikal di mana ia boleh dikembangkan melalui latihan (Bujang, 2006). Menurut Tompkins (2003), bacaan awal pula merujuk kepada waktu di mana kanak-kanak mula mengenal pasti huruf dan bunyinya (Mc Gee & Dail, 2010; Tompkins, 2003 dan Rashidah Elias, 2017). Oleh itu, kemahiran bacaan awal dalam konteks kajian ini merujuk kepada kemahiran bacaan awal bahasa Melayu murid prasekolah menggunakan Kaedah Iqranik iVAK.

### 1.7.4 Murid Prasekolah

Menurut Akta Kanak-kanak 2001, kanak-kanak di Malaysia ialah individu yang berumur 18 tahun ke bawah. Manakala, berdasarkan KPM (2018), murid prasekolah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



ialah kanak-kanak yang berumur 4+ (lahir pada 1 Januari hingga 31 Disember) dan 5+ (lahir pada 2 Januari hingga 31 Disember) pada tahun persekolahan semasa.

Dalam konteks kajian ini, murid prasekolah yang menjadi sampel kajian ialah murid yang berumur 4+ dan 5+ tahun.

## 1.8 Batasan Kajian

Kajian ini mempunyai batasan dari segi lokasi kerana ia hanya melibatkan sebuah daerah sahaja iaitu daerah Baling, Kedah. Justeru, dapatan kajian adalah berdasarkan hasil pelaksanaan Kaedah Iqranik iVAK di prasekolah dalam daerah Baling sahaja dan tidak mewakili pandangan guru-guru di daerah dan negeri lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Justifikasi pemilihan daerah Baling sebagai lokasi kajian adalah kerana pengkaji mempunyai pengalaman mengajar prasekolah di daerah Baling hampir lima tahun. Selama pemerhatian dilakukan terhadap rakan guru prasekolah daerah Baling, majoriti mereka masih menggunakan kaedah tradisional untuk mengajar kemahiran bacaan awal bahasa Melayu kepada murid prasekolah. Oleh itu, satu kajian perlu dilakukan bagi mengenalpasti mengapakah masih ramai dalam kalangan guru prasekolah daerah Baling mengajar kemahiran bacaan awal menggunakan kaedah tradisional sedangkan terdapat variasi kaedah bacaan awal yang telah diperkenalkan. Kajian ini juga membuka ruang untuk melihat keberkesanan Kaedah Iqranik iVAK sebagai kaedah bacaan awal bahasa Melayu murid prasekolah di daerah Baling.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Pemilihan sampel murid terbatas kepada murid prasekolah berumur 4+ dan 5+ yang telah menguasai kemahiran mengenal huruf kecil dan huruf besar dengan baik. Justifikasi pemilihan murid yang sudah mengenal huruf kecil dan huruf besar dalam kajian ini adalah kerana kajian ini dilakukan pada hujung tahun persekolahan. Oleh hal yang demikian, adalah wajar apabila murid-murid prasekolah ini sudah menguasai kemahiran mengenal huruf besar dan huruf kecil dengan baik. Mungkin hanya sebilangan kecil murid yang tidak menguasai kemahiran mengenal huruf dengan baik. Namun begitu, perkara penting yang menjadi kegusaran para guru prasekolah ialah apabila kebanyakan murid prasekolah hanya menguasai kemahiran mengenal huruf sahaja sehingga hujung tahun persekolahan. Murid-murid ini sukar untuk membentuk suku kata dengan betul. Oleh itu, Kaedah Iqranik iVAK dicuba jaya kepada murid-murid ini bagi mengkaji keberkesanan Kaedah Iqranik iVAK dalam membantu mereka menguasai kemahiran awal bacaan bahasa Melayu dengan baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pemilihan kandungan pelajaran Kaedah Iqranik iVAK pula merujuk kepada Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK Semakan 2017) dan juga berdasarkan pandangan guru-guru prasekolah yang dikumpulkan melalui soal selidik Analisis Keperluan. Isi kandungan pelajaran Kaedah Iqranik iVAK adalah berdasarkan elemen pembelajaran berikut:

i. Membunyikan huruf vokal /a/, /i/, /u/

ii. Membunyikan huruf konsonan /s/, /m/, /n/, /l/, /k/, /p/, /r/, /h/ dan /t/ (sembilan huruf)

iii. Membunyikan suku kata dan perkataan (KV, V+KV, KV+KV, KV+KV+KV, KVK, V+KVK, KV+KVK, KVK+KV dan KVK+KVK sahaja)

iv. Membaca frasa dan ayat mudah mudah hasil pembelajaran (iii)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Justifikasi pemilihan vokal dan konsonan yang terlibat dalam kajian ini berdasarkan huruf vokal dan konsonan yang kerap digunakan dalam ejaan Bahasa Melayu dan boleh digunakan untuk membentuk ayat mudah sehingga kepada cerita pendek. Menurut Isahak Haron (2007) dan Rashidah Elias (2017), berdasarkan sistem ejaan bahasa Melayu kanak-kanak tidak perlu mempelajari kesemua bunyi vokal dan konsonan untuk membolehkan mereka mula membaca.

## 1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini dapat menjadi medium kepada guru terutamanya guru prasekolah untuk mendapat latihan dan kemahiran pengajaran bacaan awal bahasa Melayu kepada murid prasekolah dengan lebih baik. Dapatan kajian Mahzan Arshad dan Chee S. C. (2017) menunjukkan bahawa kaedah pengajaran konvensional yang diamalkan oleh kebanyakan guru gagal menarik minat murid dalam proses pembelajaran bacaan awal. Oleh itu, pembinaan Kaedah Iqranik iVAK diharap dapat menjadi kaedah alternatif kepada pengajaran-pembelajaran bacaan awal bahasa Melayu selain daripada Kaedah Abjad, Kaedah Fonik, Kaedah Gabung Bunyi Kata dan Kaedah Seluruh Perkataan yang digunakan sekarang.

Di samping dapat mempelbagaikan teknik pengajaran guru, Kaedah Iqranik iVAK juga dapat membantu guru prasekolah untuk mengajar kemahiran bacaan awal bahasa Melayu dengan lebih mudah sekaligus memahami dan memperbaiki amalan pengajaran sendiri. Hal ini demikian akan meningkatkan semangat untuk mengajar dengan lebih baik disamping berusaha untuk meningkatkan kualiti pengajaran guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Kajian ini juga memberi sumbangan yang agak besar kepada murid khususnya kepada murid prasekolah. Apabila pembelajaran diserasikan dengan gaya pembelajaran, murid bukan sahaja mudah untuk memahami input pembelajaran, akan tetapi motivasi mereka untuk terus belajar dapat dipertingkatkan. Seterusnya mengatasi masalah 'buta huruf' dan lemah membaca dalam kalangan murid di sekolah rendah dan sekolah rnenengah.

Hasil kajian ini juga diharap dapat menjadikan Kaedah Iqranik iVAK sebagai panduan kepada pihak sekolah untuk membantu mengatasi masalah bacaan awal Bahasa Melayu dalam kalangan murid sekolah khususnya murid tahap satu. Pentadbir sekolah dapat merancang dan mengemaskini pelbagai keperluan dan kemudahan kepada semua murid di sekolah. Perbezaan individu memerlukan kaedah pembelajaran yang pelbagai supaya mencapai matlamat pembelajaran yang berkesan.

Semoga kajian ini juga dapat membantu Bahagian Perkembangan Kurikulum (BPK, KPM) supaya dapat dibuat semakan dan penambahbaikan bagi Tunjang Komunikasi Bahasa Melayu, KSPK Semakan 2017. Diharapkan melalui pelaksanaan kajian menggunakan Kaedah Iqranik iVAK, maka dapat membantu banyak pihak demi meningkatkan kemahiran bacaan awal bahasa Melayu murid khususnya kepada murid prasekolah di Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



## 1.10 Rumusan

Berdasarkan perbincangan dan huraian bab ini, dapat dirumuskan bahawa pelaksanaan pengajaran kemahiran bacaan awal boleh dilaksanakan secara berkesan apabila keperluan murid dipenuhi disamping rangsangan yang mencukupi diberikan. Sesungguhnya, tugas sebagai guru prasekolah bukanlah satu tugas yang mudah. Namun, jika kena pada gaya pengajarannya, tugas yang berat akan menjadi seronok dan bermakna.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi